

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

**LAPORAN
TAHUNAN
2019**

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PROFIL & LATAR BELAKANG	2 - 4
CARTA ORGANISASI	5 - 6
PROFIL LEMBAGA PEMEGANG AMANAH	7 - 13
PERUTUSAN PENGERUSI	14 - 16
LAPORAN PRESTASI	17 - 23
LAPORAN AKTIVITI	24 - 48
LAPORAN KEWANGAN	49 - 71

PROFIL & LATAR BELAKANG ORGANISASI

PROFIL ORGANISASI

Misi Korporat

Memberi sumbangan dan bantuan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru dan menjaga kebijakan guru.

Membantu pendidikan anak guru serta apa-apa yang Yayasan fikirkan wajar atau sesuai manfaat atau perlu untuk pelaksanaan fungsinya.

Lembaga Pemegang Amanah

YBhg. Dato' Dr. Mohd Ghazali Bin Abas (Pengerusi)

YBhg. Datuk Dr. Amin Bin Senin

YBrs. Encik Mohamad Azhan Bin Md Amir

YBhg. Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin

YBhg. Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani Bin Nik Hassan Thani

YBhg. Dato' Sulaiman Bin Wak

Ketua Pegawai Eksekutif

YBrs. Encik Zahirudin Bin Mohammad Hanif

Juruaudit

Jabatan Audit Negara

Bank

Affin Bank Berhad

Public Bank Berhad

Pejabat Berdaftar

Tingkat 10, Wisma KWSG,

Jalan Kampung Attap,

50460 Kuala Lumpur

Tel: 603-2274 6037 Fax: 603-2273 8313

LATAR BELAKANG YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN (YGTHO)


Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO) dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru (KWSG) adalah sebuah badan kerajaan / badan berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang ditubuhkan di Parlimen pada 16 Januari 2017 berlandaskan Undang – Undang Malaysia (Akta 763) Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Penubuhan YGTHO adalah bagi mengambil alih aset dan liabiliti KWSG. Objektif penubuhan YGTHO adalah untuk memberi sumbangan dan bantuan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru, menjaga kebijakan guru dan membantu pendidikan anak guru serta apa – apa pekara yang Yayasan fikirkan wajar atau suai manfaat atau perlu untuk pelaksanaan fungsinya.

KWSG telah ditubuhkan pada tahun 1962, berlandaskan Seksyen 117 Akta Pelajaran 1961 yang tertakluk di bawah peraturan Kumpulan Wang Simpanan Guru – Guru 1961. Penubuhan KWSG bermatlamat untuk menjaga kepentingan dan memberi faedah kepada guru – guru yang bernaung di bawah skim Perkhidmatan Guru – Guru Dipersatukan atau Unified Teaching Service (UTS). Kewujudan KWSG adalah untuk memenuhi pengwujudan sebuah tabung persaraan khusus untuk guru – guru UTS. Ia berfungsi seperti amalan yang dilaksanakan KWSP iaitu menerima caruman ahli dan melaburkan wang caruman tersebut bersesuaian dengan undang – undang bagi pelaburan Kumpulan Wang Amanah mengikut “Trustee Ordinance 1949” bertujuan menjana pulangan keuntungan untuk diberikan sebagai faedah kepada ahlinya melalui pengisytiharan dividen tahunan.

CARTA ORGANISASI

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

CARTA ORGANISASI



PROFIL LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Pengerusi



YBHG. DATO' DR. MOHD GAZALI BIN ABAS

Memiliki kelulusan Doktor Falsafah Pendidikan (Ph.D) dari Universiti Waseda, Jepun pada tahun 2005. Memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir Sementara Bahagian Perancangan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada tahun 1983. Sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Dato' Dr. Mohd Gazali Bin Abas mempunyai pengalaman bekerja yang luas dalam pelbagai agensi kerajaan seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Sumber Manusia. Antara kurniaan bintang dan pingat yang diperolehi ialah Ahli Yang Kedua (Dato' Paduka) Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (D.P.S.K.) dari Sultan Kelantan pada 11 Nov 2017, Bentara Setia Mahkota Kelantan Al-Ibrahim IV dari Kerajaan Negeri Kelantan pada 10 Nov 2011 dan Pingat Kesatria Mangku Negara (K.M.N) dari Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIII pada 29 Okt 2009. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YGTHO mulai Jun 2018.

**Ahli Lembaga
Pemegang Amanah**



YBHG. DATUK DR. AMIN BIN SENIN

Dilahirkan pada 21 Disember 1959 di Sabah. Memiliki kelulusan Doktor Falsafah Pendidikan (Ph.D) dalam bidang Pengurusan Pendidikan dari Universiti Malaysia Sabah. Beliau telah mula berkhidmat diperkhidmatan awam sejak 1 Ogos 1984 sebagai guru di SMK Tenghilan, Tamparuli, Sabah. Dikurniakan Pingat Gemilang Darjah Kinabalu – PGDK yang membawa gelaran Datuk oleh Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2012. Melibatkan diri secara aktif dalam seminar dan menjadi wakil kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi acara-acara rasmi samada didalam atau luar negara. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan seperti Pengarah di Institut Aminuddin Baki pada 7 Februari 2011 dan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Pembangunan Profesionalisme Keguruan) pada 5 Januari 2015. Pada 19 Oktober 2017, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia dan mula dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah YGTHO mulai 21 Disember 2017.



YBRS. ENCIK MOHAMAD AZHAN BIN MD AMIR

Dilahirkan di Johor pada 13 Disember tahun 1969. Memiliki Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada tahun 2007. Memulakan kerjaya sebagai Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan di Jabatan Perdana Menteri. Pernah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan di Kementerian Pendidikan Malaysia. Kemudian dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) di Kementerian Pendidikan Malaysia. Kini beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan Bencana) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri sehingga kini. Beliau mula dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah di YGTHO pada 11 Januari 2019.

**Ahli Lembaga
Pemegang Amanah**



YBRS. PROF. DR. MOHAMAD AKRAM ALDIN

Memiliki kelulusan Doktor Falsafah di Universiti Kewangan Islam Edinburgh, Scotland pada tahun 1995. Sarjana Muda dalam bidang Perundangan Islam Universiti Jordan pada tahun 1989. Beliau kini merupakan Pengarah Eksekutif Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa untuk Kewangan Islam (ISRA) dan seorang Profesor di Pusat Pendidikan Antarabangsa dalam Kewangan Islam (INCEIF). Beliau juga merupakan Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, Jawatankuasa Penasihat Syariah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Majlis Penyeliaan Syariah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Sebelum menyertai ISRA, beliau berkhidmat sebagai Penolong Profesor di Kulliyyah Ilmu Pengetahuan Islam dan Sains Manusia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Dalam tempoh 2002 - 2004, beliau adalah Penolong Profesor Pelawat di University of Sharjah, Sharjah, Emiriah Arab Bersatu. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengajian Institut Perbankan dan Kewangan Islam (IliBF), UIAM. Beliau mula dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah YGTHO mulai 11 Mac 2019 sehingga kini.

**Ahli Lembaga
Pemegang Amanah**



YBHG. DATUK SERI DR. NIK NORZRUL THANI BIN NIK HASSAN THANI

Berkelulusan Sarjana Muda Undang-undang (LLB) dengan kepujian dari Universiti Buckingham, Sarjana Undang-undang (LLM) dari Queen Mary College, Universiti London dan Doktor Falsafah (PhD) dalam Undang-undang dari Pusat Pengajian Oriental dan Afrika (SOAS), Universiti London, dan merupakan Barrister-at-Law bertauliah dari Lincoln's Inn. Selain itu, beliau juga memiliki Diploma Lepasan Ijazah dalam Undang-undang Syariah dan Amalan (dengan kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga adalah Fellow di Financial Services Institute of Australasia (FINSIA) dan telah diterima sebagai Ahli Profesional Institut Kewangan Islam Profesional Bertauliah (CIIF). Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani kini merupakan Pengurus dan Rakan Kongsi Kanan Zaid Ibrahim & Co, firma undang-undang yang terbesar di Malaysia dan ahli rangkaian ZICO Law yang mempunyai pejabat di Bangkok, Brunei, Hanoi, Ho Chi Minh, Vientiane, Melbourne, Phnom Penh, Singapura dan Yangon serta pejabat bersekutu di Jakarta. Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah YGTHO bermula 29 November 2019 sehingga kini.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah



YBHG. DATO' SULAIMAN BIN WAK

Dilahirkan di Kuching, Sarawak pada 1 Oktober 1959. Memiliki Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1982 dan Diploma Pendidikan (Kepujian) dari universiti yang sama pada tahun berikutnya. Memulakan kerjaya sebagai guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor, Kuching, Sarawak pada tahun 1983 hingga 1984. Pernah dilantik menjadi Pengarah di Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan pada tahun 2008, Jabatan Pelajaran Selangor pada tahun 2010 dan sebagai Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia pada Julai 2013. Antara pingat dan anugerah yang diterima ialah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPM, Pingat Perkhidmatan Bakti (PPB) daripada Kerajaan Negeri Sarawak dan Bintang Semangat Rimba Kelas II (Perak) daripada Persatuan Pengakap Malaysia. Kini, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan) dan bersara pada Oktober 2019. Pada 29 November 2019 beliau telah dilantik semula sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah YGTHO sehingga kini.

PERUTUSAN PENGERUSI

PERUTUSAN PENGERUSI



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Bagi pihak Ahli Lembaga Pemegang Amanah, saya sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO) bagi tahun berakhir 2019.

Prestasi Kewangan

Bagi tahun 2019, YGTHO telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM15.46 juta. Manakala bagi jumlah perbelanjaan YGTHO untuk tahun 2019 iaitu sebanyak RM32.20 juta. YGTHO memperoleh kerugian dari Nilai Saksama Saham sebanyak RM19.46 juta dan ianya menyebabkan jumlah perbelanjaan bagi pelaburan meningkat. Kerugian ini disebabkan kadar nilai saham pada 2019 menurun.

Penyata Kewangan

Penyata Kewangan YGTHO bagi tahun 2019 disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia atau Malaysia Private Entities Reporting Standards (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

Operasi

Fokus utama penubuhan YGTHO adalah memberi sumbangan dan bantuan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru, menjaga kebijakan guru dan membantu pendidikan anak guru serta apa-apa perkara yang YGTHO fikirkan wajar atau suai manfaat atau perlu untuk pelaksanaan fungsinya. Sejajar dengan itu, YGTHO kini kian giat bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengenalpasti mekanisme-mekanisme yang dapat memberi sumbangan kepada pembangunan profesionalisme perguruan di negara ini. Fokus ini bagi memastikan fungsi-fungsi YGTHO seperti mana yang terdapat didalam Akta 763 Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 dilaksanakan. Selain daripada itu, YGTHO masih lagi mencari pencarum yang terdahulu agar dapat memastikan semua guru-guru UTS yang telah mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) yang masih belum membuat pengeluaran caruman tampil membuat pengeluaran masing-masing.

Setulus Penghargaan

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah dan Pengurusan YGTHO diatas dedikasi, komitmen dan sumbangan yang diberikan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepanjang tahun ini. Akhir kata, semoga Allah S.W.T terus memberi kekuatan dan petunjukNya kepada semua warga YGTHO bagi memikul amanah ini dengan jayanya.



DATUK YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF
Pengerusi
Yayasan Guru Tun Hussein Onn

LAPORAN PRESTASI

PENDAPATAN

Sumber pendapatan utama Yayasan Guru Tun Hussein Onn diperolehi daripada hasil aktiviti pelaburan yang merangkumi Pelaburan Saham, Pelaburan Hartanah dan Simpanan Tetap. Susulan itu bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, YGTHO telah mencatat pendapatan sebanyak RM 15.64 juta. Hasil pendapatan pelaburan mewakili 98.85% atau RM15.46 juta daripada keseluruhan pendapatan YGTHO. Saham mencatat 91% (RM14.07 juta) yang terdiri daripada dividen saham syarikat awam iaitu RM10.31 juta, faedah simpanan tetap iaitu RM0.08 juta, keuntungan atas Jualan Saham Syarikat Awam RM3.68 juta. Manakala bagi sewa ruang pejabat iaitu 6.60% (RM1.40 juta), Guarantee rate Return 2.39% (RM0.37 juta) dan faedah pinjaman kenderaan dan komputer / telefon mudahalih 0.01% (RM 2.26 ribu). Selain itu, lain-lain pendapatan iaitu merangkumi faedah atas akaun semasa, elektrik bangunan KWSG dan pelbagai hasil sebanyak RM0.18 juta atau 1.15%.

PERBELANJAAN

Keseluruhan jumlah perbelanjaan Yayasan Guru Tun Hussein Onn bagi tahun 2019 adalah RM32.20 juta. Perbelanjaan ini merangkumi perbelanjaan pengurusan bangunan Wisma KWSG, pengurusan pejabat YGTHO, belanja pentadbiran, belanja pelaburan, belanja pengurusan kebajikan, belanja perkhidmatan professional dan belanja susut nilai. Pada tahun 2019, YGTHO mengalami kerugian dari nilai saksama saham sebanyak RM19.46 juta dan ianya menyebabkan jumlah perbelanjaan bagi pelaburan meningkat. Kerugian ini disebabkan oleh kelembapan pertumbuhan ekonomi domestik dan global.

KEDUDUKAN KEWANGAN

Sehingga 31 Disember 2019 kedudukan kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn dilaporkan stabil. Aspek Kewangan dalam menguruskan dan melaksanakan aktiviti sepanjang tahun tidak berdepan sebarang kesukaran.



ASET

	2019	2018
	RM	RM
Aset Tetap Bersih	149,481,227	143,638,707
Jumlah Pelaburan :		
a) Saham Berdaftar Kerajaan	-	-
b) Saham – saham Amanah	-	-
c) Saham – saham Bursa Malaysia	285,109,997	307,841,939
d) Pengurusan Portfolio Pelaburan	-	-
Aset Semasa	8,482,524	7,984,422
JUMLAH ASET	443,073,748	459,465,068

RUJUK CARTA 1*LIABILITI**

	2019	2018
	RM	RM
Wang Cadangan Am	411,939,773	428,497,211
Lain – lain Liabiliti	7,725,675	7,559,557
Rezab Penilaian Semasa	23,408,300	23,408,300
JUMLAH LIABILITI	443,073,748	459,465,068

***RUJUK CARTA 2**

ASET**CARTA 1****LIABILITI****CARTA 2**

PENDAPATAN

	2019	2018
	RM	RM
Keuntungan Atas Jualan Saham Syarikat	3,681,842	-
Dividen Saham Syarikat Awam	10,307,975	10,251,198
Faedah Simpanan Tetap	75,327	356,285
Sewaan Ruang Pejabat	1,018,003	1,401,229
Guarantee Rate Return	372,997	-
Faedah Pinjaman Kenderaan	2,077	-
Faedah Pinjaman Komputer / Telefon	182	-
JUMLAH PENDAPATAN	15,458,403	12,008,712

RUJUK CARTA 1*PERBELANJAAN**


	2019	2018
	RM	RM
Pengurusan Bangunan Wisma KWSG	2,198,653	2,264,143
Pengurusan Pejabat KWSG	1,072,001	448,102
Pentadbiran	1,755,443	6,991,623
Pelaburan	22,630,574	57,922,019
Kebajikan	4,323,818	2,463,687
Perkhidmatan Profesional	37,342	12,571
Susutnilai	182,466	84,933
JUMLAH PERBELANJAAN	32,200,299	70,187,078

***RUJUK CARTA 2**


KEUNTUNGAN / (KERUGIAN)

	2019	2018
	RM	RM
Pendapatan Yang Diperolehi	15,642,860	12,034,827
Perbelanjaan Pengurusan	32,200,299	70,187,078
(Kurangan) / Keuntungan daripada Penilaian Semula Pelaburan Hartanah	-	(50,000)
Kerugian Pendapatan Semasa	(16,557,438)	(58,202,252)

PENDAPATAN

CARTA 1

PERBELANJAAN

CARTA 2

LAPORAN AKTIVITI

Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO) kini menjalankan dua (2) aktiviti utama iaitu Pelaburan dan Pengurusan Kebajikan. Disamping itu, YGTHO turut menjalankan aktiviti berbentuk sosial yang bertujuan menghargai dan memupuk keharmonian di antara warga YGTHO.

PELABURAN

Tahun 2019 menyaksikan kesederhanaan dalam pertumbuhan ekonomi global dan kelembapan pertumbuhan ekonomi domestik berikutan ketegangan perdagangan antara ekonomi-ekonomi utama, ketidakpastian di Eropah dan United Kingdom mengenai Brexit, naik turun pasaran kewangan antarabangsa, kejatuhan harga minyak dunia dan lain-lain.

Sejak enam (6) tahun kebelakangan ini, Indeks Komposit KL FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) juga mencatatkan penurunan tahunan kelima sebanyak 6% untuk ditutup pada 1,588.76 pada 31 Disember 2019. Berikutan penurunan pasaran saham dalam beberapa ekonomi utama pada suku pertama tahun 2020, pasaran domestik juga mengalami kesukaran berterusan. Diramalkan bahawa persekitaran ekonomi dan pelaburan akan terus mencabar untuk tahun akan datang.

Pada tahun 2019, aset pelaburan yang dimiliki oleh YGTHO direkodkan pada nilai pasaran RM425.62 juta yang terdiri daripada tiga (3) jenis pelaburan iaitu pelaburan saham ekuiti (RM285.11 juta), pelaburan harta tanah (RM134.38 juta) dan pelaburan simpanan tetap (RM4.00 juta).

Hasil pendapatan daripada pelaburan pada tahun 2019 adalah sejumlah RM15.46 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu sejumlah RM12.01 juta. Kenaikan pendapatan sebanyak 25.15% membuktikan walaupun dalam keadaan persekitaran ekonomi dan pasaran pelaburan yang mencabar, YGTHO masih mampu menjana pulangan pendapatan yang baik.

PROGRAM PENINGKATAN PROFESION PERGURUAN

YGTHO telah membiayai dan menjayakan pelbagai program kerjasama bersama Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertujuan meningkatkan taraf pendidikan dan Profesional Perguruan di Malaysia.

International Conference on Education and Teacher Development (ICTED 2019)



ICTED 2019 adalah program kerjasama dengan Institut Pendidikan Guru Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini telah dijalankan pada 23 – 25 Julai 2019 di Hotel Casuarina Meru Perak. YGTHO menaja yuran penyertaan bagi 500 peserta dan pembentang daripada kalangan guru – guru dengan jumlah sebanyak RM150 ribu. Tujuan program adalah untuk mengembangkan ilmu perkongsian kepakaran antarabangsa khususnya melalui penyelidikan dan inovasi. Aktiviti yang dijalankan adalah ucaptama, forum, sesi pembentangan selari dan pembentangan poster.

Persidangan Pendidikan Peringkat Kebangsaan Kali Ke-XV 2019



Program ini adalah kerjasama antara Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) Kementerian Pendidikan Malaysia. Persidangan ini telah dijalankan pada 24 - 26 Julai 2019 di Hotel Royale Chulan Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Seramai 200 orang guru seluruh Malaysia telah menyertai program ini. Jumlah perbelanjaan keseluruhan persidangan RM150 ribu. Objektif utama persidangan adalah menjadi platform untuk para guru membentangkan hasil penyelidikan dan amalan terbaik PdP serta membentangkan hasil kajian tindakan guru - guru.

Anugerah Penyelidikan Pendidikan YGTHO Peringkat Kebangsaan



Anugerah Penyelidikan Pendidikan YGTHO Peringkat Kebangsaan adalah anugerah khas daripada Yayasan Guru Tun Hussein Onn bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan dan kajian tindakan dalam kalangan warga pendidik khususnya di peringkat sekolah. Pemenang akan menerima wang tunai sebanyak RM2 ribu dan tajaan RM5 ribu untuk pembentangan hasil penyelidikan di peringkat antarabangsa. Jumlah perbelanjaan keseluruhan adalah sebanyak RM98 ribu. Daripada 48 kertas kajian yang diterima, sebanyak 14 kertas telah dipilih oleh Jawatankuasa Penilaian Kertas Persidangan untuk dibentangkan dalam persidangan sebagai pembentang utama. Kertas penyelidikan yang terpilih merangkumi pelbagai bidang meliputi semua mata pelajaran, aspek kepimpinan, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), teknologi, dan lain - lain. Augerah tersebut telah disampaikan kepada 14 pembentang kajian dalam persidangan.

Peningkatan Kesedaran Kesejahteraan Psikologi Guru #3A (Sedar, Peka, Tindak) dan Kursus Kejurulatihan Modul Kesedaran Kesejahteraan Meningkatkan Psikologi Guru #3a (Sedar, Peka, Tindak)



Program Peningkatan Kesedaran Kesejahteraan Psikologi Guru #3a (Sedar, Peka, Tindak) dan Kursus Kejurulatihan Modul Kesedaran Kesejahteraan Meningkatkan Psikologi Guru #3a (Sedar, Peka, Tindak) adalah program kerjasama antara Bahagian Psikologi Dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia. Program pelancaran dan kursus kejurulatihan bermula pada Julai 2019. Seramai 200 orang guru kaunselor dari Daerah, Negeri, JPN dan BPSK yang terlibat. Perbelanjaan bagi menjayakan kursus sebanyak RM100,710. Objektif utama adalah untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi dan kesihatan mental.

Peningkatan Profesionalisme MPSM Petaling Utama



Program Peningkatan Profesionalisme MPSM Petaling Utama program kerjasama antara MPSM Petaling Utama Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini telah dilaksanakan pada 4 – 6 Julai 2019 bertempat di Royal Belum Rainforest Gerik Perak. Seramai 28 orang Pengetua Daerah Petaling Utama dan 7 orang Pegawai Pejabat Pendidikan Petaling Utama telah turut serta dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan sebanyak RM15 ribu. Tujuan Program adalah untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dengan baik dan berkesan seterusnya mampu menonjolkan kewibawaan diri dan organisasi.

Multaqa Institusi Pendidikan Agama Kali Ke – 3 /2019



Program ini adalah anjuran bersama Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia. Ianya telah dilaksanakan pada 24 – 26 Julai 2019 bertempat di Hotel Royale Chulan Seremban Negeri Sembilan. Seramai 333 peserta daripada pengetua, guru besar dan pegawai BPI yang terlibat dengan jumlah perbelanjaan program sebanyak RM150 ribu. Objektif utama program adalah untuk memberi pengiktirafan ke atas sumbangan serta dedikasi warga pendidikan kepada aktiviti dan program dakwah dalam mempraktikkan dan membudayakan teras manusiawi.

Bengkel Kerja Interactive Critical Thinking Ensuring Quality Education



Bengkel ini adalah program kerjasama antara Institut Pendidikan Guru Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia di Zon Semenanjung pada 19 – 20 Jun 2019 bertempat di IPGM Cyberjaya. Manakala bagi Zon Sabah dan Sarawak pada 3 – 4 September 2019 di IPG Kampus Gaya Sabah dan IPG Kampus Batu Melintang Sarawak. Perbelanjaan keseluruhan bengkel sebanyak RM50 ribu. Bengkel disertai oleh pensyarah IPG Kampus di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Objektif bengkel adalah untuk memupuk dan mewujudkan pemikiran kreatif dan kritis kepada peserta sekali gus memacu hasrat pembangunan negara

Kolokuim Sains Tulen Peringkat Kebangsaan Tahun 2019



Kolokuim Sains Tulen Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 adalah anjuran bersama Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini telah dilaksanakan pada 26 – 27 April 2019 bertempat di Sekolah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Bandar Permaisuri Cheras Kuala Lumpur. Seramai 60 orang guru matapelajaran Fizik, Kimia dan Biologi daripada sekolah agama dan sekolah agama bantuan kerajaan yang terlibat. Jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi menjayakan program adalah RM19,250. Objektif utama program adalah untuk menambah ilmu pengetahuan kemahiran dan kompetensi guru dalam pengajaran dan pembelajaran Fizik, Kimia dan Biologi dengan keperluan dan pengisian PdPC abad ke-21.

Global Ambassador Program 2019



Global Ambassador Program 2019 adalah program kerjasama antara Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan Terengganu Kementerian Pendidikan Malaysia. Program telah dilaksanakan pada 8 - 10 April 2019 bertempat di Dewan Bendahara IPG Kampus Sultan Mizan Besut Terengganu. Belanja keseluruhan program adalah RM62,750. Seramai 150 orang peserta daripada pelajar Universiti Malaysia Kelantan, Unisza Terengganu dan UTM serta pensyarah dan guru pelatih IPG Kampus Sultan Mizan. Objektif utama program adalah memberi peluang kepada semua pensyarah terlibat untuk berkongsi kepakaran dalam pelbagai disiplin ilmu dalam bilik darjah bersama rakan sejawat.

Simposium Kebangsaan Pengurusan Pendidikan 2019



Simposium Kebangsaan Pengurusan Pendidikan 2019 adalah program kerjasama antara Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini telah dilaksanakan pada 24 – 26 September 2019 bertempat di Vistana Hotel Pulau Pinang. Seramai 300 peserta daripada pengetua sekolah di Malaysia telah menyertai program ini. Jumlah kesulurahan perbelanjaan bagi melaksanakan program ini adalah sebanyak RM150 ribu. Objektif utama program adalah perkongsian idea dan pengalaman daripada pembentang supaya dapat mencetus pelbagai inisiatif baru bagi menyemarakkan kualiti kepimpinan pemimpin sekolah yang diharap dapat meningkatkan kemajuan pengurusan pendidikan di Malaysia.

Lawatan Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia ke Jepun



Lawatan ini telah diadakan di Jepun dimana kerjasama antara YGTHO dan Persatuan Alumni Dasar Pandang Ke Timur. Lawatan ini juga turut disertai oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia. Lawatan telah dilaksanakan pada 8 – 17 November 2019. Lawatan siri kerja telah melawat ke 5 buah universiti iaitu Kyoto University of Education, Osaka Kyoiku University (of Education), Nara University of Education dan Tokushima University. Perbelanjaan bagi lawatan kerja ini adalah sebanyak RM100 ribu. Objektif lawatan adalah perkongsian proses pengurusan dan pentadbiran sekolah latihan guru di bawah universiti Jepun.

Lawatan Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia ke Finland



Lawatan Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia ke Finland adalah kerjasama antara YGTHO dan Kedutaan Malaysia di Finland. Lawatan kerja turut disertai oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia. Lawatan dilaksanakan pada 23 – 30 Mac 2019. Lawatan siri kerja telah melawat ke beberapa institusi dan agensi Pendidikan di Finland antaranya adalah Viiki Teacher Training Institute University of Tampere Teacher Training School, Espoo International School, University Helsinki dan Finland National Agency for Education. Perbelanjaan bagi lawatan kerja yang dijalankan sebanyak RM250 ribu. Antara objektif lawatan adalah untuk mempelajari amalan terbaik, menerokai dan mendapatkan maklumat mengenai kurikulum guru dan sekolah di Finland serta proses pengambilan guru – guru terbaik di Finland ke dalam profesion keguruan.

SENARAI PROGRAM

NAMA PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)
PERSIDANGAN ANTARABANGSA PENDIDIKAN STEM YANG PERTAMA (STEM 2019)	100,000.00
BENGKEL MEMPERKASA PENCAPAIAN MINIMUM KOMPENTASI MATEMATIK TAHP 2 SEKOLAH KEBANGSAAN TAHUN 2019	8,150.00
KAJIAN CULTURALLY RELEVANT SCIENCE EDUCATION (CRSE) FOR ALL: RESEARCHED-CONTEXT INFORMED INTERACTIVE SUPPLEMENTARY TEACHING AND LEARNING RESOURCES	99,936.00
SUMBANGAN HARI ANUGERAH KUALITI JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA	14,500.00
BENGKEL MEMACU DAN MEMARTABATKAN PROFESIONALISME PENGARAH - PENGARAH KOLEJ VOKASIONAL KE ARAH KECEMERLANGAN BERTERASKAN HATI NURANI	50,000.00
KURSUS PENINGKATAN PENGURUSAN DAERAH PETALING PERDANA TAHUN 2019	59,360.00
ORIENTASI KEPIMPINAN KEPENGETUAAN ABAD KE-21 PENGETUA - PENGETUA NEGERI SEMBILAN 2019	60,000.00
SEMINAR KEBANGSAAN PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN PENDIDIK KEGURUAN 2019	87,500.00
BENGKEL KERJA PEMIMPIN SEHATI KEPIMPINAN BERSINERGI	7,640.00
BENGKEL KERJA SEHATI MENGUNGGLI PRESTASI DAN PENYELARASAN PENGURUSAN PENDIDIKAN DAERAH HULU SELANGOR	5,320.00
PENAJAAN SEMINAR ANTARABANGSA PENDIDIKAN BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU KE-2 2019 (SABA SBUM2)	4,500.00
SUMBANGAN PROGRAM KEMBARA ILMU TAWAU-SEMPORNA	10,000.00
SUMBANGAN LAWATAN PERTUKARAN BUDAYA DAN PERKONGSIAN SERANTAU	10,000.00

SUMBANGAN DANA BAGI PROGRAM PENGANTARABANGSAAN DAN PERKONGSIAN PINTAR GURU SMK PRESINT 11 (1)	10,000.00
SUMBANGAN KARNIVAL INOVASI 4IR: TRANSFORMASI MINDA KEUSAHAWANAN SISWA PENDIDIK	19,000.00
KONVENTSYEN PENDIDIKAN KE-25 DAN PERSIDANGAN AGUNG PERWAKILAN KE-37 GABUNGAN MAJLIS GURU BESAR MALAYSIA 2019	150,000.00
INTERNATIONAL COUNSELLING SEMINAR (ICONS) 2019	65,000.00
BENGKEL PENYELARASAN LAPORAN AKHIR LAWATAN RASMI KE FINLAND DAN PENULISAN KERTAS CADANGAN PROGRAM KERJASAMA IPGM DAN YGTHO	8,000.00
KONVENTSYEN ANTARABANGSA PEDAGOGI ABAD KE-21 MALAYSIA 2019	87,500.00
KOLOKIUM SAINS TULEN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2019	19,250.00
SUMBANGAN MAKAN MINUM MESYUARAT ANTARABANGSA DAN KERJASAMA IPGM SIRI 1/2019	3,195.00
HARI GURU	100,000.00
SAMBUTAN HARI GURU DAN HADIAH TUNAI KATEGORI ANUGERAH KHAS GURU - GURU SEMPENA HARI GURU PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2019	54,500.00
SUMBANGAN INTERACTIVE CRITICAL THINKING ENSURING QUALITY EDUCATION	15,930.00
SUMBANGAN PERSIDANGAN PENGURUSAN PENDIDIKAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH SARAWAK KE-54 TAHUN 2019	20,000.00
MAJLIS TINGGI MAJLIS MOU IPGM DENGAN UNIVERSITI DAN AGENSI	5,863.00
PROGRAM PEMUPUKAN BUDAYA PENYELIDIKAN 2019 PERSIDANGAN PENYELIDIKAN 2019	150,000.00
SIRI SIMPOSIUM KECEMERLANGAN PENDIDIKAN ISLAM DAN BAHASA ARAB 2.0 TAHUN 2019	150,000.00

PROGRAM PENGANTARABANGSAAN: JARINGAN PENDIDIKAN DENGAN SEKOLAH / INSTITUSI PENDIDIKAN DI JORDAN	15,000.00
PERSIDANGAN ANTARABANGSA MELTA KE-28	140,000.00
LAWATAN KERJA GLOBAL (MOROCCO - SEPANYOL)	50,000.00
PERSIDANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI PENDIDIKAN KEBANGSAAN IPGM KALI KEEMPAT 2019	150,000.00
PENAJAAN KE ANUGERAH ANTARABANGSA GLOBAL TEACHER AWARD 2019	2,100.00
SEMINAR KEBANGSAAN PENDIDIKAN NEGARA KALI KE-6	90,000.00
CONFERENCE ON PUBLIC SCHOOL TRANSFORMATION AND INNOVATION (CPSTI) 2019	15,000.00
PEMBIAYAAN BAGI 50 ORANG GURU KE MAJLIS MINUM PETANG BAGI MERAIKAN PERSARAAN YBHG. DATO' SULAIMAN BIN WAK (MANTAN TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA)	3,000.00
1 st INTERNATIONAL CONFERENCE ON EDUCATIONAL LEADERSHIP AND MANAGEMENT	138,600.00
SEMINAR KEBANGSAAN PROFESIONALISME KEGURUAN TAHUN 2019	150,000.00
PROGRAM JARINGAN ANTARABANGSA PERTANDINGAN ROBOTIK IROF 2019	1,600.00
MAJLIS APRESIASI XYPER 2019	2,000.00
BENGKEL BIMBINGAN INSTRUCTIONAL COACHING GROUP	135,000.00
MAJLIS APRESIASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2019 (MARWAH)	23,400.00
LAWATAN KERJA POLICY DIALOGUE FORUM DI DUBAI UNITED ARAB EMIRATES	11,900.00
SUMBANGAN BELIAN BUKU GEMS OF THE EAST COFFEE TABLE BOOK	10,000.00

LATIHAN DALAM PERKKHIDMATAN (LADAP)

NAMA SEKOLAH	PERUNTUKAN(RM)
SMK JASMIN 2 KAJANG SELANGOR	15,000.00
SMK ABDUL JALIL HULU LANGAT SELANGOR	15,000.00
SK TAMING JAYA SERI KEMBANGAN SELANGOR	15,000.00
SK KANTAN PERMAI KAJANG SELANGOR	15,000.00
SK PANDAN JAYA CHERAS KUALA LUMPUR	11,100.00
SMK PRESINT 14 (1) PUTRAJAYA	15,000.00
SK AMPANG SELANGOR	15,000.00
SK TAMAN JASMIN KAJANG SELANGOR	15,000.00
SK SRI JELOK KAJANG SELANGOR	15,000.00
SK SUNGAI TEKALI HULU LANGAT SELANGOR	12,000.00
SMK BANDAR BARU BANGI SELANGOR	15,000.00
SK BANGI SELANGOR	15,000.00
SMK SEREMBAN 2 NEGERI SEMBILAN	15,000.00
SMK KING GEORGE V NEGERI SEMBILAN	15,000.00
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR	15,000.00
SK JALAN TIGA BANGI SELANGOR	15,000.00
SK DOKTOR LATIF SABAK BERNAM SELANGOR	15,000.00
SK CONVENT (M) KAJANG SELANGOR	15,000.00
SK SUNGAI KAPAR INDAH KLANG SELANGOR	15,000.00
SK RINCHING SEMENYIH SELANGOR	15,000.00
SMK TINGGI KAJANG SELANGOR	15,000.00
SK SEKSYEN 20 SHAH ALAM SELANGOR	15,000.00
SK LUBOK KELUBI SELANGOR	15,000.00
SMK KHIR JOHARI BERANANG SELANGOR	14,975.00
SK SAUJANA IMPIAN KAJANG SELANGOR	6,800.00
SEKOLAH MENENGAH JALAN 3 BANDAR BARU BANGI	4,000.00

AKTIVITI SOSIAL

Yayasan Guru Tun Hussein Onn telah menganjurkan pelbagai acara tahunan sepanjang tahun 2019 antaranya adalah Team Building dan Hari Keluarga YGTHO. Tujuan acara tahunan ini diadakan adalah bertujuan membentuk satu budaya kerja yang sihat antara pihak pengurusan tertinggi dengan pekerja untuk mencapai produktiviti yang cemerlang. Selain itu, ia dapat memupuk semangat berpasukan serta memberi pendedahan kepada konsep tolong menolong antara satu sama lain. Disamping itu, ia sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada kakitangan YGTHO atas sumbangan dan kerja yang dilakukan selama ini. Team Building dan Hari Keluarga yang pertama telah diadakan di Langkawi. Manakala yang kedua, diadakan di Putrajaya.











Selain itu, YGTHO juga turut mengadakan majlis berbuka puasa bersama Ahli Jawatankuasa Yayasan Guru Tun Hussein Onn pada bulan Mei 2019. Tujuan majlis berbuka puasa ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara Pengurusan Tertinggi dengan kakitangan YGTHO.



Manakala bagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri pula telah diadakan di Pejabat YGTHO pada bulan Jun 2019. Tujuan utama majlis hari raya ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim. Disamping itu, ia juga diadakan sebagai tanda kemenangan umat islam setelah dapat mengerjakan ibadat puasa dalam bulan ramadhan dengan sempurna.



LAPORAN KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 16, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 (Akta 763) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

1. YGTHO telah membuat peruntukan gratuity berjumlah RM5,686,951 di dalam penyata kewangan. Bagaimanapun, pengiraan tidak berdasarkan kaedah yang disarankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan pihak YGTHO tidak dapat menjelaskan asas kiraan gaji akhir yang digunakan. Selain itu, terdapat juga pegawai yang telah menamatkan perkhidmatan tetapi peruntukan gratuity masih dibuat bagi pegawai tersebut.
2. Bagi Tunai dan Kesetaraan Tunai, terdapat bank yang berbaki negatif berjumlah RM205,572 berbanding baki di penyata bank berjumlah RM203,191. Semakan juga mendapati tiada kemudahan overdraf untuk bank tersebut serta penyesuaian bank tidak dapat disediakan dengan sempurna.
3. Pelbagai Hasil berjumlah RM144,298 dalam Penyata Pendapatan Komprehensif tidak dapat disemak kerana dokumen sokongan tidak dapat dikemukakan sehingga tarikh pelaporan.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Yayasan Guru Tun Hussein Onn dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pemegang Amanah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 (Akta 763). Lembaga Pemegang Amanah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn, Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Yayasan Guru Tun Hussein Onn untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Yayasan Guru Tun Hussein Onn.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pemegang Amanah.

- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pemegang Amanah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Yayasan Guru Tun Hussein Onn sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 (Akta 763), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 (Akta 763) untuk disimpan oleh Yayasan Guru Tun Hussein Onn telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pemegang Amanah berdasarkan Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 (Akta 763) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan Sijil ini.



(ZIRAWATI BINTI KADIR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA



PUTRAJAYA
01 OKTOBER 2020


YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn, 2014)

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Kami, DATUK YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF dan DATO' SULAIMAN BIN WAK yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Guru Tun Hussein Onn dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pemegang Amanah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Yayasan Guru Tun Hussein Onn bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga



NAMA: DATUK YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF

GELARAN: PENGERUSI LEMBAGA PEMEGANG
AMANAH

Bagi pihak Lembaga



NAMA: DATO' SULAIMAN BIN WAK

GELARAN: AHLI LEMBAGA PEMEGANG
AMANAH

Tarikh : **29 SEP 2020**

KUALA LUMPUR

Tarikh: **29 SEP 2020**

KUALA LUMPUR

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn, 2014)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

Saya, ZAHIRUDIN BIN MOHAMMAD HANIF, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 beserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)

diakui oleh penama di atas di)

KUALA LUMPUR)

pada 13 SEP 2020)

ZAHIRUDIN BIN MOHAMMAD HANIF

(No. K/P : 751130-08-6285)

Dihadapan saya



Tingkat 15, Wisma KWSG,
Jalan Kg Atap,
50460 Kuala Lumpur

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Pelaburan	5	285,109,997	307,841,939
Hartanah, Loji dan Peralatan	6	583,614	336,608
Hartanah Pelaburan	7a	108,037,847	87,598,260
Kerja Dalam Pelaksanaan	7b	40,859,766	55,703,839
ASET SEMASA			
Pelbagai Penghutang	8	1,445,745	2,934,141
Pelbagai Cagaran Bayaran	9	275,830	228,710
Bayaran Terdahulu		-	12,698
Pinjaman Kenderaan		221,110	-
Pinjaman Komputer/Telefon Mudahalih		26,681	-
Pinjaman Kepada Koperasi MPSM		600,000	-
Tunai dan Kesetaraan Tunai	10	5,913,158	4,808,873
		<hr/> 8,482,524	<hr/> 7,984,422
		<hr/> 443,073,748	<hr/> 459,465,068
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pembiayaan	11	1,856,283	1,661,528
Pelbagai Cagaran Diterima		-	1,650
Cagaran Sewa Bangunan Wisma KWSG		167,414	201,453
Cek Luput Tarikh	12	15,027	7,975
		<hr/> 2,038,724	<hr/> 1,872,606
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Peruntukan Gratuiti	13	5,686,951	5,686,951
ASET BERSIH			
		<hr/> 435,348,073	<hr/> 451,905,511
DIBIAYAI OLEH :			
Wang Cadangan Am		411,939,773	428,497,211
Rezab Penilaian Semasa		23,408,300	23,408,300
		<hr/> 435,348,073	<hr/> 451,905,511

Nota-nota 5 hingga 13 merupakan sebahagian daripada akaun-akaun ini.

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn, 2014)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	Nota	2019 RM	2018 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan Pelaburan	14	15,458,403	12,008,712
Lain-lain Pendapatan	15	184,458	26,115
		<hr/> 15,642,860	<hr/> 12,034,827
PERBELANJAAN			
Belanja Pengurusan Wisma KWSG	16	2,198,653	2,264,143
Belanja Pengurusan Pejabat YGTHO	17	1,072,001	448,102
Belanja Pentadbiran	18	1,755,443	6,991,623
Belanja Pelaburan	19	22,630,574	57,922,019
Belanja Pengurusan Kebajikan	20	4,323,818	2,463,687
Belanja Perkhidmatan Profesional		37,342	12,571
Belanja Susutnilai		182,466	84,933
		<hr/> 32,200,299	<hr/> 70,187,078
PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN			
Item yang tidak akan dikelaskan semula ke keuntungan atau kerugian selepas itu			
(Kurangan) / Keuntungan Daripada Penilaian Semula Pelaburan Hartanah		-	(50,000)
(Kurangan) / Lebihan Pendapatan Bagi Tahun 2019		<hr/> (16,557,438)	<hr/> (58,202,252)

Nota-nota 14 hingga 20 merupakan sebahagian daripada akaun-akaun ini.

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn, 2014)

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

<u>2018</u>	Wang Cadangan	Rezab Penilaian	Jumlah
	Am	Semasa	
	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2018	486,649,462	23,458,300	510,107,762
Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2018	(58,152,251)	-	(58,152,251)
Rezab Penilaian Semasa	-	(50,000)	(50,000)
Baki pada 31 Disember 2018	428,497,211	23,408,300	451,905,511
<u>2019</u>	Wang Cadangan	Rezab Penilaian	Jumlah
	Am	Semasa	
	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2019	428,497,211	23,408,300	451,905,511
Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2019	(16,557,438)	-	(16,557,438)
Rezab Penilaian Semasa	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2019	411,939,773	23,408,300	435,348,073

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn, 2014)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Penerimaan Tunai Dari Sewaan Bangunan	1,177,242	1,080,249
Pembayaran Tunai Bagi Belanja Pengurusan Bangunan	(1,059,303)	(1,490,094)
Pembayaran Tunai Bagi Belanja Pentadbiran	(3,947,046)	(2,385,960)
Pembayaran Tunai Bagi Belanja Kebajikan	(4,323,818)	(2,463,686)
Pembayaran Tunai Bagi Belanja Pelaburan	(18,835,665)	(113,648)
Pembayaran Tunai Bagi Belanja Khidmat Profesional	(37,342)	(30,661)
Penerimaan Tunai Dari Lain-lain Pendapatan	1,308,227	16,187,503
Pembayaran Tunai Dari Lain-lain Perbelanjaan	-	(1,961,414)
Tunai Bersih Yang Dihasilkan Untuk Aktiviti Operasi	<u>(25,717,705)</u>	<u>8,822,289</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Perolehan Jualan Saham Syarikat Awam	29,829,678	4,442,516
Perolehan Pengeluaran Simpanan Tetap	-	9,799,385
Dividen Saham Syarikat Umum	10,307,975	10,251,197
Faedah Simpanan Tetap	58,761	354,484
Pembelian Saham Syarikat Umum	(6,696,402)	(26,974,152)
Penambahan Harta, Loji dan Peralatan	(429,472)	(118,063)
Penambahan Simpanan Tetap	-	(9,799,384)
Penambahan Kerja Dalam Pembangunan	(5,400,759)	-
Pembayaran Pemberian Pinjaman	(863,600)	-
Terimaan Bayaran Balik Pinjaman	15,808	-
Pembelian Hartanah Pelaburan	-	(8,837,336)
Tunai Bersih Yang Digunakan Dari Aktiviti Pelaburan	<u>26,821,990</u>	<u>(20,881,353)</u>
TAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
	1,104,285	(12,059,064)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	<u>4,808,873</u>	<u>16,867,937</u>
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	<u>5,913,158</u>	<u>4,808,873</u>
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA :		
Wang Tunai Di Tangan	2,000	2,000
Perolehan Tunai	36,996	9,818
Baki di Bank	1,871,614	687,198
Simpanan Tetap di Bank Berlesen	4,002,548	4,109,857
	<u>5,913,158</u>	<u>4,808,873</u>

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN – 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT AWAM

Yayasan Guru Tun Hussein Onn telah ditubuhkan bagi mengambil alih aset dan liabiliti KWSG. Penubuhannya telah diumumkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada Jun 2007 ketika merasmikan Sambutan Hari Guru di Johor Bahru. Pada 25 Ogos 2010, Mesyuarat Jemaah Menteri secara rasmi telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn dan pembubaran Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru. Yayasan ini bertujuan memberikan sumbangan dan bantuan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru, menjaga kebajikan guru dan membantu pendidikan anak guru serta apa-apa perkara yang Yayasan fikirkan wajar atau suai manfaat atau perlu untuk pelaksanaan fungsinya. Rang Undang-Undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 10 Jun 2014 dan diluluskan di Dewan Negara pada 26 Jun 2014. Yayasan Guru Tun Hussein Onn menggunakan Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 (Akta 763) yang telah diwartakan penubuhannya pada 16 Januari 2017.

Penyata Kewangan YGTHO (Telah Diaudit) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah YGTHO di dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pemegang Amanah YGTHO pada 29 September 2020.

2. ASAS PERAKAUNAN

Akaun Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO) ini disediakan menurut kelaziman kos sejarah kecuali seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan dengan berpandukan kepada Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

(a) Aset Tetap dan Susutnilai

Aset tetap dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai. Susutnilai diperuntukan bagi satu tahun sepenuhnya bagi sesuatu aset tetap dalam tahun perolehan tanpa mengira tarikh perolehannya dan tiada susutnilai diperuntukkan dalam tahun pelupusan sesuatu aset tetap.

Susutnilai keatas setiap aset tetap dikira berdasarkan kaedah garis lurus dengan kadar seperti berikut :

Bangunan	2%
Mesin dan peralatan pejabat	20%
Ubahsuai bangunan dan pejabat	20%
Peralatan dan mesin bangunan	20%
Kenderaan Pejabat KWSG	20%

(b) Pelaburan

Pelaburan dinyatakan pada nilai harga pasaran dan sebarang pengurangan atau pertambahan dipindahkan ke Penyata Prestasi Kewangan.

Urusniaga saham dari syarikat umum yang menebus semula saham yang dimiliki oleh YGTHO adalah dianggap sebagai penjualan saham dan hasil yang melebihi nilai kos purata awal tahun adalah dianggap sebagai keuntungan dari penjualan saham.

Kaedah pengiraan keuntungan / kerugian daripada penjualan saham adalah berdasarkan kos pasaran bagi pelaburan jangka panjang. Manakala bagi aktiviti *trading*, kaedah pengiraan keuntungan / kerugian daripada penjualan saham adalah berdasarkan kos purata di antara saham-saham *trading*.

Simpanan tetap yang mempunyai tempoh matang 12 bulan ke bawah dikelaskan sebagai aset semasa dan tempoh matang lebih 12 bulan sebagai aset pelaburan. Manakala simpanan dalam Syarikat Diskaun sebagai simpanan jangka pendek.

(c) Pengiktirafan pendapatan dividen, faedah dan sewa.

Pendapatan faedah dari simpanan di bank dan sewaan ruang pejabat adalah dikira atas dasar terakru manakala dividen dari saham dikira atas dasar terimaan tunai.

(d) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan dan baki di bank serta simpanan tetap yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan.

(e) Kemerosotan nilai aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, YGTHO mengkaji nilai asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang kemerosotan nilai. Jika terdapat kemerosotan nilai, aset diukur dengan membandingkan nilai buku dengan nilai semasa. Jumlah yang diambil kira adalah nilai yang tertinggi antara nilai buku dan nilai semasa aset tersebut.

Sebarang kemerosotan nilai adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan pada penyata pendapatan. Jumlah kemerosotan nilai aset tersebut perlu diselaraskan dengan nilai aset.

(f) Manfaat Kakitangan

Manfaat jangka pendek

Gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun dimana perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan YGTHO. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan yang menambah kelayakan mereka untuk mendapatkan pampasan ketidakhadiran pada masa hadapan, manakala pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

Manfaat Jangka Panjang

Bayaran manfaat kakitangan jangka panjang yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan di dalam penyata pendapatan komprehensif tahun semasa sebagai bayaran manfaat pekerja dan di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai liabiliti jangka panjang yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan oleh YGTHO adalah bayaran gratuity bagi kakitangan yang telah tamat tempoh perkhidmatannya iaitu mencapai umur 60 tahun. Kadar gaji andaian telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

Pengiraan bayaran gratuity bagi YGTHO telah dicadangkan dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YGTHO Kali Ke-2 pada 5 Mei 2017.

(g) Instrumen kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan di dalam lembaran imbangan adalah merangkumi tunai di bank, deposit dengan institusi kewangan dan bank berlesen, pembiutang dan penghutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai aset dilaporkan sebagai pendapatan atau perbelanjaan.

(h) Pembiutang

Pembiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama pembayaran yang akan dibuat pada masa hadapan bagi barang atau perkhidmatan yang diterima.

(i) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan yang dipegang untuk mendapat sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, pada awalnya diukur pada kos. Kos urusniaga termasuk dalam pengukuran awal.

Selepas pengiktirafan sebagai harta pelaburan, jika nilai saksama item harta pelaburan yang boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan dengan perubahan dalam nilai saksama iktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk sesuatu harta pelaburan yang diukur pada nilai saksama, ia adalah diambil kira sebagai harta, loji dan peralatan mengikut Seksyen 17 MPERS selepas itu. Amaun bawaan harta pelaburan pada tarikh tersebut menjadi kosnya.

Kepentingan harta yang dipegang di bawah pajakan operasi tidak dikelaskan dan diambil kira sebagai harta pelaburan.

(j) Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan di bawah akaun YGTHO merupakan aset yang masih dalam proses pembinaan. Proses tersebut merangkumi kerja-kerja ubahsuai dan menaiktaraf serta pembinaan bangunan baru. Aset-aset tersebut telah dinilai mengikut harga kos sebenar. Susutnilai tidak dikenakan pada aset-aset tersebut kerana masih dalam proses pembinaan. Setelah kesemua proses pelaksanaan telah selesai, aset tersebut akan dipindahkan di bawah hartanah pelaburan.

4. INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Dasar dan Objektif Pengurusan Risiko Kewangan

Dasar pengurusan risiko kewangan YGTHO bertujuan untuk memastikan supaya sumber-sumber kewangan yang mencukupi tersedia bagi operasi YGTHO dan bagi pembayaran balik hutang YGTHO serta menguruskan kadar dividen, kecairan dan risiko kredit.

(b) Risiko Kecairan

Objektif YGTHO berhubung dengan risiko kecairan adalah untuk memastikan tunai yang mencukupi disimpan bagi memenuhi obligasi hutang, perbelanjaan dan pengeluaran caruman oleh para pencarum.

(c) Risiko Kredit

Nilai buku penghutang merupakan pendedahan maksimum YGTHO terhadap risiko kredit.

(d) Nilai Saksama

Nilai buku aset dan liabiliti kewangan YGTHO pada tarikh lembaran imbangan adalah pada nilai saksamanya.

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn, 2014)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN - 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

5. PELABURAN

Pelaburan dalam saham tersiar harga pada nilai saksama

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 1 Januari	307,841,939	367,668,819
Belian	6,973,068	13,565,068
Jualan	(10,246,500)	(17,231,012)
Rugi atas nilai saksama	(19,458,510)	(56,160,936)
Baki pada 31 Disember	285,109,997	307,841,939

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Peralatan dan Mesin Bangunan	Peralatan dan Mesin Pejabat	Ubahsuai Bangunan dan Pejabat	Kenderaan Pejabat	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
2018					
Pada Kos					
Pada 1 Januari 2018	454,450	31,027	37,720	296,051	819,248
Penambahan	-	15,948	-	102,115	118,063
Pengurangan	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2018	454,450	46,975	37,720	398,166	937,311
Susutnilai Terkumpul					
Pada 1 Januari 2018	454,449	3,985	7,544	49,792	515,770
Penambahan	-	7,174	7,544	70,215	84,933
Pengurangan	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2018	454,449	11,159	15,088	120,007	600,703
Nilai Buku Bersih pada 31 Disember 2018	1	35,816	22,632	278,159	336,608
 2019					
Pada Kos					
Pada 1 Januari 2019	454,450	46,975	37,720	398,166	937,311
Penambahan	-	172,073	-	257,399	429,472
Pengurangan	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2019	454,450	219,048	37,720	655,565	1,366,782
Susutnilai Terkumpul					
Pada 1 Januari 2019	454,449	11,159	15,088	120,006	600,702
Penambahan	-	43,810	7,544	131,113	182,466
Pengurangan	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2019	454,449	54,968	22,632	251,119	783,169
Nilai Buku Bersih pada 31 Disember 2019	1	164,079	15,088	404,445	583,614

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn, 2014)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN - 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

7a. HARTANAH PELABURAN

	Bangunan dan Tanah - Wisma KWSG	Bangunan dan Tanah - Bgnn S.Alam	Bangunan dan Tanah - Rumah Kedai S.Alam	Bangunan dan Tanah - Kiara Plaza	Jumlah RM
	RM	RM	RM	RM	
2018					
Pada 1 Januari 2018	70,000,000	12,000,000	550,000	-	82,550,000
Penambahan	-	-	-	5,098,260	5,098,260
Pengurangan	-	-	(50,000)	-	(50,000)
Pada 31 Disember 2018	<u>70,000,000</u>	<u>12,000,000</u>	<u>500,000</u>	<u>5,098,260</u>	<u>87,598,260</u>

- i. Bangunan & Tanah Wisma KWSG dinilai mengikut penilaian insurans dari Etiqa Takaful.
- ii. Bangunan & Tanah Bangunan Shah Alam dinilai mengikut harga penilaian insurans dari Etiqa Takaful.
- iii. Bangunan & Tanah Rumah Kedai Shah Alam telah dinilai mengikut laporan penilaian dari penilai Rahim & Co. International Consultants.

	Bangunan dan Tanah - Wisma KWSG	Bangunan dan Tanah - Bgnn S.Alam	Bangunan dan Tanah - Rumah Kedai S.Alam	Bangunan dan Tanah - Kiara Plaza	Bangunan dan Tanah - Emporis K.	Jumlah RM
	RM	RM	RM	RM	RM	
2019						
Pada 1 Januari 2019	70,000,000	12,000,000	500,000	5,098,260	-	87,598,260
Penambahan	-	-	-	-	20,439,587	20,439,587
Pengurangan	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2019	<u>70,000,000</u>	<u>12,000,000</u>	<u>500,000</u>	<u>5,098,260</u>	<u>20,439,587</u>	<u>108,037,847</u>

- i. Bangunan dan Tanah Bangunan Shah Alam dinilai mengikut harga penilaian insurans tahun 2019 dari Etiqa Takaful.
- ii. Bangunan dan Tanah Rumah Kedai Shah Alam telah dinilai mengikut penilaian insurans tahun 2019 dari Etiqa Takaful.
- iii. Bangunan dan Tanah Kiara Plaza dinilai mengikut harga kos pembinaan bagi 4 unit di bangunan Kiara Plaza.
- iv. Bangunan dan Tanah Emporis Kota Damansara dinilai mengikut harga kos pembinaan.

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn, 2014)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN - 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)**7b. KERJA DALAM PELAKSANAAN****i) Ubahsuai dan Naik Taraf Bangunan Wisma KWSG**

Baki pada 1 Januari

Pertambahan

Baki pada 31 Disember

	2019	2018
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	36,408,389	26,334,960
Pertambahan	4,451,377	10,073,429
Baki pada 31 Disember	<u>40,859,766</u>	<u>36,408,389</u>

ii) Hartanah Emporis Kota Damansara

Baki pada 1 Januari

19,295,450

10,967,940

Pertambahan

1,144,137

8,327,510

Dikelaskan ke Hartanah Pelaburan

(20,439,587)

-

Baki pada 31 Disember

-

19,295,450

Jumlah Kerja Dalam Perlaksanaan**40,859,766****55,703,839**

Kontrak Ubahsuai dan Naik Taraf Bangunan Wisma KWSG telah ditamatkan melalui surat bertarikh 25 September 2019, rujukan KPM(BP)T/KWSG/S (1043)

8. PELBAGAI PENGHUTANG

Sewa atas Bangunan
 Elektrik atas Bangunan
 Air atas Bangunan
 GST Wang Jaminan Pelaksanaan
 Faedah Terakru Simpanan Tetap
 Cukai Barang dan Perkhidmatan (Boleh Tuntut)
 Jualan Saham (Public Investment Bank)

	2019	2018
	RM	RM
Sewa atas Bangunan	418,866	647,872
Elektrik atas Bangunan	-	13,040
Air atas Bangunan	7,769	7,769
GST Wang Jaminan Pelaksanaan	72,318	72,318
Faedah Terakru Simpanan Tetap	18,367	1,801
Cukai Barang dan Perkhidmatan (Boleh Tuntut)	928,426	1,676,939
Jualan Saham (Public Investment Bank)	-	514,402
	<u>1,445,745</u>	<u>2,934,141</u>

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn, 2014)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN - 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)**9. PELBAGAI CAGARAN BAYARAN**

	2019 RM	2018 RM
Cagaran Elektrik	261,830	214,710
Cagaran Air	14,000	14,000
	<hr/> <u>275,830</u>	<hr/> <u>228,710</u>

10. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2019 RM	2018 RM
Tunai Di Tangan	2,000	2,000
Perolehan Tunai	36,996	9,818
Baki Di Bank	1,871,614	687,198
Simpanan Tetap Di Bank Berlesen	<hr/> 4,002,548	<hr/> 4,109,857
	<hr/> <u>5,913,158</u>	<hr/> <u>4,808,873</u>

Kadar faedah/keuntungan simpanan tetap adalah antara 3.10% hingga 3.45% (2018: 3.10% hingga 3.50%)
Tempoh matang simpanan adalah antara satu hingga tiga bulan (2018: satu hingga tiga bulan)

11. PELBAGAI PEMIUTANG

	2019 RM	2018 RM
Senggaraan Bangunan- Kontrak Tetap	43,068	40,568
Bil - Bil Utiliti	37,910	68,070
Suratkhabar	304	476
Wang Jaminan Pelaksanaan (Pembinaan SPK Sdn Bhd)	<hr/> 1,775,000	<hr/> 1,552,414
	<hr/> <u>1,856,283</u>	<hr/> <u>1,661,528</u>

12. CEK LUPUT TARikh

Ia merupakan kategori cek-cek yang telah diterima oleh Penerima tetapi tidak ditunaikan dalam tempoh sah laku.
Cek ini berjumlah RM 15,026.

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn, 2014)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN - 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

13. PERUNTUKAN GRATUITI

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 1 Januari	5,686,951	-
Tambahan peruntukan	-	5,686,951
Baki pada 31 Disember	5,686,951	5,686,951

Tiada kakitangan yang akan tamat tempoh perkhidmatannya iaitu mencapai umur 60 tahun dalam tempoh 12 bulan.

14. PENDAPATAN DARI PELABURAN

	2019 RM	2018 RM
Saham:		
Keuntungan atas jualan Saham Syarikat Awam	3,681,842	-
Dividen saham Syarikat Awam	10,307,975	10,251,198
Faedah Simpanan Tetap	75,327	356,285
Sewa ruang pejabat	1,018,003	1,401,229
Guarantee Rate Return	372,997	-
Faedah Pinjaman Kenderaan	2,077	-
Faedah Pinjaman Komputer/Telefon Mudahalih	182	-
	15,458,403	12,008,712

15. LAIN-LAIN PENDAPATAN

	2019 RM	2018 RM
Faedah atas Akaun Semasa YGTHO	489	3,210
Elektrik Bangunan Wisma KWSG	36,346	19,169
Pelbagai Hasil	147,623	3,736
	184,458	26,115

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn, 2014)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN - 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

16. BELANJA PENGURUSAN WISMA KWSG

	2019 RM	2018 RM
Penyelenggaraan Bangunan	848,253	758,856
Air, Elektrik dan Pembentungan	462,840	589,151
Cukai Tanah dan Cukai Pintu	834,866	807,111
Insurans	52,694	109,025
	<u>2,198,653</u>	<u>2,264,143</u>

17. BELANJA PENGURUSAN PEJABAT YGTHO

	2019 RM	2018 RM
Saguhati dan Derma	17,550	178,500
Bonus/Imbuhan 2018	521,141	-
Peralatan, Percetakan dan Penyelenggaraan Mesin	34,101	35,826
Perbelanjaan Pelbagai	70,470	83,561
Perhubungan	25,314	29,762
Belanja Bengkel Pengurusan	58,503	67,514
Kursus dan Latihan	341,451	25,430
Penyelenggaraan Kenderaan Pejabat	2,572	12,809
Senggaran Alatan dan Mesin Pejabat	900	14,700
	<u>1,072,001</u>	<u>448,102</u>

18. BELANJA PENTADBIRAN

	2019 RM	2018 RM
Elaun Ahli LPA YGTHO dan Ahli Jawatankuasa Mesyuarat YGTHO	598,105	351,869
Gaji dan Elaun Kakitangan YGTHO	760,615	628,049
Gaji dan Elaun Pekerja Sambilan Harian	-	11,174
Caruman KWSP (Majikan)	84,730	75,565
Caruman SOCSO (Majikan)	10,467	8,649
Tuntutan Perjalanan	30,082	40,069
Tuntutan dan Elaun Lebih Masa	6,726	7,497
Tuntutan Perbelanjaan Keraian	53,044	1,800
Belanja Perubatan Kakitangan	7,201	7,365
Caruman KWSP (Pekerja)	72,929	65,097
Caruman SOCSO (Pekerja)	2,992	3,230
Elaun Pengurus Projek	16,000	18,000
Elaun Tanggung Kerja	-	1,800
Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Projek Naik Taraf	31,968	27,617
Bayaran Agensi	-	56,891
Gratuiti	-	5,686,951
Pinjaman Kepada Koperasi MPSM	80,583	-
	<u>1,755,443</u>	<u>6,856,223</u>

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn, 2014)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN - 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)**19. BELANJA PELABURAN**

	2019 RM	2018 RM
Pengurusan Pelaburan	288,173	245,117
Kerugian Atas Jualan Saham	2,883,891	1,515,966
Kerugian dari Nilai Saksama Saham	<u>19,458,510</u>	<u>56,160,936</u>
	<u>22,630,574</u>	<u>57,922,019</u>

20. BELANJA PENGURUSAN KEBAJIKAN

	2019 RM	2018 RM
Aktiviti Pembangunan Profesionalisme Guru	3,056,521	1,728,112
Penyelidikan Pendidikan Guru	775,477	392,053
LADAP/Team Building/Kursus Guru	491,119	313,522
CSR (Guru)	<u>700</u>	<u>30,000</u>
	<u>4,323,818</u>	<u>2,463,687</u>

21. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan arahan dan kawalan ke atas aktiviti sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ganjaran untuk kakitangan penting pihak pengurusan adalah seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Elaun Lembaga Pemegang Amanah		
i. Elaun Kehadiran Mesyuarat LPA	31,500	19,000
ii. Elaun Bulanan LPA	182,845	109,787
iii. Bayaran Balik Kemudahan LPA	29,460	4,522
Elaun Ahli Jawatankuasa Mesyuarat YGTHO	354,300	218,560
Gaji & Elaun Pengurusan Utama YGTHO	<u>314,850</u>	<u>278,227</u>
	<u>912,955</u>	<u>630,096</u>

YGTHO

YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN

